

# MBSB, Cagamas jalin kerjasama

**Malaysia Building Society Bhd (MBSB)** mengukuhkan lagi segmen perniagaan korporatnya menerusi kerjasama dengan Cagamas Bhd.

Di bawah inisiatif baharu itu yang dinamakan skim rekursa, MBSB akan menjual secara terus pinjaman perumahan dan pembiayaan perumahan patuh syariah kepada Cagamas bersandarkan kepada kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh perbadanan gadai janji nasional itu.

Langkah itu akan merintis jalan kepada MBSB untuk menambah baik operasi pembiayaannya dengan cara membuka nilai aset tidak cairnya pada kos berdaya saing melalui pembiayaan AAA Cagamas.

Bagaimanapun, MBSB masih bertanggungjawab kepada risiko pinjaman tidak berbayar (NPL) bagi portfolio pinjaman yang dijualnya kepada Cagamas.

## Sokong pertumbuhan MBSB

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MBSB, Datuk Ahmad Zaini Othman, berkata kerjasama dimeterai antara kedua-dua pihak akan menyokong pertumbuhan perniagaan MBSB yang ketika ini sedang memberikan perhatian kepada segmen perniagaan korporat.

"Hasil yang dijana daripada skim rekursa ini akan diguna-



Ahmad Zaini (dua dari kiri) dan Chee Leong bertukar dokumen perjanjian sambil disaksikan Abdul Halim (kiri) dan Sang Kuang di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO ASMAN IBRAHIM/BH]

kan bagi tujuan mengembangkan lagi perniagaan korporat MBSB," katanya selepas majlis memeterai perjanjian induk skim rekursa antara MBSB dengan Cagamas di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau memeterai perjanjian bagi MBSB manakala Cagamas diwakili Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, Chung Chee Leong.

Perjanjian disaksikan Penge-

rusi MBSB dan Cagamas iaitu Tan Sri Abdul Halim Ali dan Datuk Ooi Sang Kuang.

## Tepat pada waktunya

Mengulas lanjut, Ahmad Zaini berkata program pembiayaan baharu itu dimeterai tepat pada waktunya ketika pelan pengembangan syarikat dalam perniagaan korporat sedang giat berjalan.

Katanya, MBSB memulakan

strategi mempelbagaikan pendapatannya pada tahun 2010 dengan memperkenalkan rangkaian produk baharu seperti pembiayaan projek, pembiayaan kontrak dan SME Cash Express.

"Tahun ini, MBSB akan meneroka segmen pertumbuhan baharu dengan rangkaian produk diperluaskan seperti pembiayaan perladangan sawit dan sewa beli perindustrian," katanya.